



Penerima bantuan rumah teruja disantuni Agong

Oleh [Asrol Awang](#) - April 15, 2023 @ 6:32pm
bhnews@bh.com.my

KUANTAN: Keluarga Norahati Embong, 64, bukan sahaja teruja mendapat rumah baharu, lebih mengembirakan majlis penyerahan kunci rumah disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta tiga anakanda baginda, Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah; Tengku Arif Bendahara Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah dan Tengku Puteri Afzan Aminah Hafizatullah.

Adik Norahati, Norshahida, 43, ketika ditemui di Kampung Alor Ladang, di sini, beliau yang mewakili kakaknya berterima kasih di atas keprihatinan Al-Sultan Abdullah.

Katanya, sumbangan rumah itu begitu bermakna buat keluarganya dan pemberian itu juga rezeki Ramadan dan Syawal.

"Sebenarnya, kakak saya (Norahati) menghidap angin ahmar sejak 2020 dan saya bersama seorang lagi kakak (Norizan), 63 pula menghidap masalah tiroid.

"Kami bercadang berpindah ke rumah baharu ini selepas Aidilfitri.

"Kami sangat teruja menerima rumah ini dan berterima kasih kepada semua pihak, khususnya Al-Sultan Abdullah di atas keprihatinan baginda," katanya.

Rumah bernilai RM90,000 itu Bantuan Bina Baharu Rumah Asnaf oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) 2023.

Selain itu, keluarga Norahati turut menerima perabot dan barangan elektrik bernilai kira-kira RM5,000.

Norshahida berkata, kakaknya ditawarkan bantuan rumah oleh Al-Sultan ketika bertemu pada majlis sambutan Nuzul Quran pada Ramadan tahun lalu.

"Kami gembira kerana baginda memantau perkembangan pembinaan rumah dan berjanji akan menyerahkan sendiri rumah kepada kakak.

"Alhamdulillah, hari ini menjadi kenyataan," katanya.



Al-Sultan Abdullah dan Tunku Hajah Azizah Aminah menyampaikan replika kunci rumah baharu sumbangan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) kepada warga emas, Norahati. Turut berangkat Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah.



Yang Dipertuan Agong, Raja Permaisuri Agong dan Pemangku Raja Pahang berbual-bual deng penerima bantuan rumah, Norahati di Kampung Baru Besaroh. - Foto NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG